

## **SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN AMBANK CIPTA LAGU MALAYSIA 2010**

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia sama ada amatir atau profesional.
2. Lagu hendaklah ciptaan asal dan tidak melebihi jangka masa empat ( 4 ) minit dan penyertaan adalah tidakterhad.
3. Peserta boleh menggunakan khidmat penulis lirik tetapi hanya pencipta lagu diterima sebagai peserta.
4. Ciptaan lagu adalah bebas. Penilaian akan diberikan kepada aspek kreativiti melodi yang bermutu, bernilai komersil dan menepati kriteria penciptaan yang profesional.
5. Lirik lagu adalah bebas dalam apa juga bahasa pertuturan di Malaysia samada Melayu, Cina, Tamil, Inggeris atau suku kaum Kadazan, Iban, Orang Asli dan sebagainya, tetapi lagu yang terpilih ke peringkat akhir akan dialih bahasa ke Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi pertandingan.

### **6. Penyertaan secara POS / Datang Sendiri**

- a. Borang penyertaan boleh dimuat turun daripada laman web Kementerian [www.kpkk.gov.my](http://www.kpkk.gov.my), [www.okestrartm.my](http://www.okestrartm.my) dan [www.erama.tv](http://www.erama.tv)
- b. Penyertaan mestilah disertakan dalam bentuk CD dengan rakaman suara menggunakan sekurang - kurangnya satu alat muzik iringan atau menyertakan skor piano dengan lirik di bawah melodi. Lampiran lirik juga perlu disertakan di dalam kertas berasingan.
- c. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Bahagian Muzik RTM di talian Tel : **03-22887853** atau Faks : **03-22826805**
- d. Yuran penyertaan adalah sebanyak RM2.00 untuk setiap lagu dan pembayaran boleh dibuat menggunakan Wang Pos dan dibayar kepada KOPIM atau Koperasi Industri Muzik Malaysia Berhad
- e. Borang Penyertaan serta maklumat lengkap hendaklah di hantar kepada :  
Pertandingan Ambank CiptaLagu Malaysia 2010  
Bahagian Perkhidmatan Muzik,  
Tingkat 1, Bangunan Rentak 50  
Angkasapuri  
50470 Kuala Lumpur
- f. Pengesahan penerimaan penyertaan adalah setelah ciptaan di daftarkan didalam portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv).

## 7. Penyertaan secara Dalam Talian (Internet)

- a. Penyertaan adalah menggunakan Portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv)
  - b. Borang Penyertaan hendaklah diisi secara dalam talian semasa pendaftaran dibuat di dalam portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv)
  - c. Rakaman suara dengan menggunakan sekurang-kurangnya satu alat muzik iringan boleh dimuatnaik melalui portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv) dengan menggunakan format MP3.
  - d. Atau skor piano dengan lirik dibawah melodi dan lampiran lirik boleh dimuatnaik melalui portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv) dengan menggunakan format PDF atau Word Doc (.DOC).
  - e. Imej Lagu atau imej yang menggambarkan lagu atau imej sendiri boleh dimuat naik melalui portal [www.erama.tv](http://www.erama.tv) dengan menggunakan format jpg.
  - f. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi [www.erama.tv](http://www.erama.tv) melalui email kepada [info@erama.tv](mailto:info@erama.tv) dengan tajuk email Peraduan Ambank CiptaLagu Malaysia 2010 RTM dengan disertakan nama, email, no k/p dan penerangan ringkas pertanyaan atau permasalahan.
  - g. Yuran Penyertaan adalah secara dalam talian menggunakan Kredit Kad atau FPX atau dengan pembelian e-kad untuk penebusan sebanyak RM2.00 untuk setiap lagu yang dimuatnaik ke dalam portal.
8. Lagu-lagu yang terpilih ke peringkat akhir sahaja akan menjadi hak milik Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Lagu-lagu lain yang tidak terpilih adalah hak milik pencipta dan lagu-lagu yang berpotensi boleh dibuat kerjasama dengan e-Rama Creative untuk dikomersialkan.
9. Keputusan juri adalah **MUKTAMAD**.
10. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 JUN 2011. Sebanyak 50 buah lagu akan dipilih ke peringkat seterusnya dan dari jumlah ini, 8 buah lagu akan terpilih ke peringkat akhir yang akan diadakan pada bulan SEPT 2011.
11. Hanya 8 peserta akan dipilih ke peringkat akhir nanti, dan Hadiah Pertandingan Ambank Cipta Lagu Malaysia adalah seperti berikut :
- |                               |                         |
|-------------------------------|-------------------------|
| a. Pemenang Pertama           | RM40,000.00             |
| b. Pemenang Kedua             | RM25,000.00             |
| c. Pemenang Ketiga            | RM15,000.00             |
| d. 5 hadiah Saguhati sebanyak | RM 4,000.00 setiap satu |



## **BORANG PERTANDINGAN AMBANK CIPTA LAGU (Pos)**

1. Tajuk Lagu :
2. Nama Pencipta :
- No. K/P :
- Alamat :
- No. Telefon :
- E-mel :

3. Nama Penulis Lirik :
- No. K/P :
- Alamat :
- No. Telefon :
- E-mel :

4. Saya mengaku bahawa ciptaan lagu dan lirik adalah ciptaan asal dan bersetuju mematuhi segala syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

.....  
( Nama: )  
( Tarikh: )

5. Permohonan hendaklah dihantar kepada :

**Pertandingan CiptaLagu Malaysia 2010  
Bahagian Perkhidmatan Muzik,  
Tingkat 1, Bangunan Rentak 50  
Angkasapuri  
50470 Kuala Lumpur, MALAYSIA**

